UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

UniMAP

# LAPORAN TAHUNAN 2021

## PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI



UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
UniMAP

# LAPORAN TAHUNAN 2021

## PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI

Cetakan Pertama 2021
® Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Hak cipta terpelihara, Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Diterbitkan oleh:
**Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)**
Aras 3, Bangunan Canselori,
Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra,
02600 Arau, Perlis.

Laman web: www.sqm.edu.my
Email: sqm@unimap.edu.my

# SIDANG EDITORIAL
## LAPORAN TAHUNAN 2021


**PENAUNG**

Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli

**KETUA EDITOR**

Prof. Dr. Harshita Aini Haroon

**PENOLONG KETUA EDITOR**

Ts. Dr. Tan Chye Lih

Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Azwan Iskandar Azmi

**EDITOR**

Pn. Noora Md Yusoff

Pn. Nurul Asyikin Fadzil

Pn. Rozila Romali

En. Muhammad Hidham Haris

**PEREKA GRAFIK & FOTOGRAF**

En. Mohd Fazlie Yusoff

## SEHINGGA 16 APRIL 2021




MULAI 19 APRIL 2021

# LAPORAN

# TAHUNAN 2021

# PROFIL KORPORAT

# PERUTUSAN PENOLONG NAIB CANSELOR

Assalammualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Tahun 2021 menyaksikan dunia dan negara kita masih lagi berhadapan dengan pandemik COVOD-19 yang secara langsung telah memberi kesan kepada sosio-ekonomi negara dan kesejahteraan kehidupan rakyat. Masyarakat secara langsung perlu mencorak semula gaya hidup baharu serta pelbagai aspek kehidupan secara keseluruhannya.

Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM) sebagai sebahagian daripada jabatan di UniMAP sentiasa berusaha untuk mengadaptasi rentak pengurusan dan pentadbiran berdasarkan perubahan yang berlaku mengikut norma baharu yang ditetapkan. Setiap tanggungjawab dan amanah yang diberikan dilaksanakan mengikut sasaran dan perancangan yang ditetapkan.



**Prof. Dr. Harshita Aini Haroon**
Penolong Naib Canselor
Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)

Antara pencapaian SQM sepanjang tahun 2021 adalah kejayaan pelaksanaan Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 yang dijalankan secara dalam talian. Audit Pemantauan ini dikendalikan oleh SIRIM QAS ( M) Sdn Bhd bersama-sama dengan Bahagian Kualiti dan Akreditasi, SQM. Tujuan audit adalah untuk memastikan keutuhan sistem pengurusan kualiti di UniMAP, dalam usaha mempertingkatkan kualiti penyampaian UniMAP dan memantapkan sistem pengurusan kualitinya berdasarkan skop pensijilan yang ditetapkan.

Di samping itu, SQM juga telah berjaya menyelaras akreditasi program akademik peringkat ijazah sarjana muda melalui *Virtual Accreditation Visit* (VAV) oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) dan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC). Lawatan akreditasi tersebut telah melibatkan dua (2) program Kejuruteraan dan satu (1) program Teknologi Kejuruteraan yang telah memperoleh akreditasi penuh untuk tempoh tiga hingga enam tahun. SQM mengucapkan tahniah kepada program serta fakulti yang terlibat.

Pada masa yang sama SQM juga telah menyelaras beberapa siri penyelarasan dan pengesahan data untuk pelbagai sistem penarafan dan pemeringkatan seperti *QS World University Rankings*, *THE World University Rankings, THE Impact Rankings*, pengurusan pencapaian KPI bagi Bajet Berasaskan Outcome (OBB), MyMoheS dan SETARA. Selain itu, SQM juga berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif penting terutamanya dalam pembangunan pelan strategik dan halatuju UniMAP 2025 bagi mencapai Misi universiti untuk “melahirkan modal insan kamal yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara”. Pada masa yang sama SQM juga membangunkan sistem pengurusan risiko universiti yang merujuk kepada pelaksanaan UniMAP 2025 dalam usaha mewujudkan suasana persekitaran yang selamat dan kondusif bagi Universiti melaksanakan operasi seperti yang dirancang.

Pada kesempatan ini juga, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih atas sumbangan dan idea yang diberikan oleh Prof Madya Ts. Dr. Norshahrizan Binti Nordin, mantan Ketua Bahagian Strategi dan Pengurusan, SQM yang telah tamat tempoh perkhidmatannya pada 16 April 2021 dan kembali ke tugas hakiki di Fakulti Sains Gunaan dan Kemanusiaan (FSGM). SQM seterusnya ingin mengucapkan selamat datang kepada Ts. Dr. Tan Chye Lih ke SQM untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut mulai 19 April 2021.

Buat semua kakitangan SQM pula, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas dedikasi, komitmen dan usaha berterusan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan walaupun dalam keadaan yang sangat mencabar sepanjang tahun 2021. Mudah-mudahan segala sumbangan kita beroleh keberkatan dan dihitung sebagai ibadah oleh Allah S.W.T.

Akhir kata, saya mendoakan agar kita semua diberi kekuatan, hidayah dan inayahNya untuk terus melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan, demi kecemerlangan UniMAP dan negara secara keseluruhannya.

# VISI, MISI & NILAI TERAS

## VISI

Peneraju Pengurusan Strategi dan Kualiti Universiti

## MISI

Memacu dan Memimpin Agenda Universiti ke arah Kecemerlangan

## NILAI TERAS

Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan

# PIAGAM PELANGGAN

SQM beriltizam untuk menyediakan perkhidmatan profesional, efektif dan efisien; serta peka terhadap keperluan dan kepuasan pelanggan melalui:

1. **Menyediakan sistem pengurusan dan pemantauan strategik dan kualiti yang cekap dan berkesan;**
2. **Memantau kemajuan pelan tindakan strategik dan kualiti peringkat universiti;**
3. **Menyediakan laporan pencapaian universiti yang berkaitan pengurusan strategik dan kualiti dalam tempoh masa yang ditetapkan;**
4. **Memastikan penyebaran maklumat berkaitan pencapaian universiti dilakukan dalam tempoh dua (2) hari selepas maklumat diterima;**
5. **Menjalankan mesyuarat berkaitan pengurusan strategik dan kualiti mengikut jadual yang ditetapkan;**
6. **Memberi latihan, perundingan dan melaksanakan audit yang berkaitan dengan pengurusan strategik dan kualiti pada peringkat universiti;**
7. **Melaksanakan semakan prestasi Teras Strategik Universiti setiap suku tahun;**
8. **Melaksanakan program pengurusan risiko berpandukan ISO 31000 sebagai kerangka asas kepada pengurusan risiko universiti;**
9. **Menyelaras, meningkatkan dan membudayakan pengurusan kualiti di semua PTj UniMAP mengikut ketetapan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015;**
10. **Memantau dan memastikan pematuhan untuk semua program akademik adalah selaras dengan keperluan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), dan/atau badan akreditasi berkaitan serta ketetapan kualiti dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia;**

# LATAR BELAKANG

SQM bermula sebagai Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PUSPEK) yang dibangunkan pada 2009. PUSPEK adalah gabungan dua unit yang telah beroperasi sebelum itu, iaitu Unit Kualiti (ditubuhkan pada 2004) dan Unit Pembangunan Korporat (ditubuhkan pada 2006, dikenali sebagai UNIPEK). Pada April 2020 PUSPEK dijenamakan semula sebagai Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) selaras dengan penstrukturan semula pusat tanggungjawab di UniMAP. Fungsi SQM ialah seperti berikut:

- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan perancangan strategi, dan memantau serta melapor pencapaian pelan strategik UniMAP kepada pengurusan tertinggi universiti;

- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti berkaitan dengan petunjuk prestasi utama yang relevan dengan pelan strategik peringkat nasional, dan berfungsi sebagai rujukan utama universiti berkaitan dengan KPI;

- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pemantapan kualiti di UniMAP; mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang relevan dengan pengurusan sistem kualiti (seperti audit kualiti, 5S), terutama dalam usaha untuk memperoleh dan mengekalkan persijilan MS ISO dalam skop yang ditetapkan oleh UniMAP; menawarkan program latihan yang berkaitan dengan sistem pengurusan strategik dan pengurusan kualiti organisasi dalam usaha penjanaan pendapatan UniMAP;

- Mengurus, mentadbir, menyelaras dan melaksana aktiviti berkaitan dengan akreditasi dan pengiktirafan program pengajian di UniMAP selaras dengan keperluan badan kelayakan tempatan dan/atau antarabangsa;

- Memastikan program yang ditawarkan mencapai dan memenuhi kriteria dan standard yang ditetapkan oleh badan kelayakan tempatan dan/atau antarabangsa untuk tujuan pengiktirafan dan akreditasi;

- Melaksanakan tugas/projek khusus seperti keperluan dan arahan oleh Naib Canselor UniMAP.

# CARTA ORGANISASI



# PENGURUSAN TERTINGGI SQM



**PROF. DR. HARSHITA AINI HAROON**

**Penolong Naib Canselor**



**TS. DR. TAN CHYE LIH**

**Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko**



**PROF. MADYA IR. TS. DR. AZWAN ISKANDAR AZMI**

**Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi**

# BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO



**TS. DR. TAN CHYE LIH**

**Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko**



**PN. NURUL ASYIKIN FADZIL**

**Pegawai Tadbir**



**PN. ROZILA ROMALI**

**Pegawai Tadbir**



**PN. AZIMAH AZIZ@AZAIB**

**Pembantu Tadbir**

# BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI



**PROF. MADYA TS. DR. AZWAN ISKANDAR AZMI**

Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi



**EN. MUHAMMAD HIDHAM HARIS**

Pegawai Tadbir



**PN. NOORA MD YUSOFF**

Pegawai Tadbir



**EN. MOHD FAZLIE BIN YUSOFF**

Pembantu Tadbir



**PN. SUHANA BINTI SHAARI**

Pembantu Tadbir

# UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



**PROF. DR. HARSHITA AINI HAROON**
Penolong Naib Canselor



**PN. NOORA MD YUSOFF**
Pegawai Tadbir



**PN. AZFA AHMAD**
Setiausaha Pejabat



**PN. SUHANA SHAARI**
Pembantu Tadbir



**EN. HASMIZUL HASHIM**
Pembantu  Operasi

# LAPORAN

## TAHUNAN 2021

# BAHAGIAN STRATEGI & PENGURUSAN RISIKO

# PENGENALAN

## BAHAGIAN STRATEGI DAN PENGURUSAN RISIKO TAHUN 2021

Bahagian Strategi dan Pengurusan Risiko bermula pada 15 April 2020 di SQM. Sebelum itu, semasa di Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK), ianya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Korporat. Bahagian ini memainkan peranan dalam membangunkan kerangka perancangan strategik UniMAP, mengukur prestasi utama (KPI) berserta struktur governans, kaedah pelaksanaan dan pemantauan KPI mengikut kaedah yang bersesuaian. Bahagian ini juga ditugaskan untuk memantau projek dan inisiatif untuk pencapaian sasaran KPI bagi UniMAP 2025 dan menilai tahap pencapaian yang disasarkan. KPI peringkat kebangsaan yang diwajibkan ke atas Universiti diintegrasikan dengan UniMAP 2025 untuk tujuan pelaksanaan, pemantauan dan pengukuran prestasi. Bahagian ini juga berperanan untuk mendapatkan data, menganalisis dan membekalkan maklumat kepada Pengurusan Tertinggi Universiti berkaitan prestasi universiti untuk membantu dalam pembuatan keputusan berkaitan perkara-perkara berikut iaitu sistem penarafan dan pemeringkatan tempatan dan global universiti (contohnya Quacquarelli Symonds (QS), Times Higher Education (THE) dan Clarivate Analytics (CA) dan pangkalan data peringkat kebangsaan seperti MyMOHES, SETARA dan sebagainya. Bahagian ini juga perlu memastikan sistem pengurusan risiko berkaitan dengan perancangan strategik universiti dilaksanakan dengan sempurna.

## PELAN STRATEGIK UniMAP

SQM memainkan peranan utama dalam pembangunan dan pemantauan pelan strategik UniMAP. Sebagai pusat yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pengurusan strategi universiti, SQM memastikan bahawa strategi universiti disebar luaskan kepada semua pemegang taruh UniMAP. SQM juga memantau pembangunan dan pelaksanaan inisiatif yang berkaitan dengan pelan yang ditetapkan, yang dikenali sebagai UniMAP 2025. SQM memainkan peranan utama dalam memastikan aspirasi yang ditekankan oleh KPT dalam PPPM (PT) 2015-2025 diberi tumpuan dalam strategi korporat UniMAP. Hal ini dilaksanakan melalui kerangka strategi dan inisiatif ke arah memastikan aspirasi tersebut dicapai, selain memenuhi keperluan agenda utama universiti. KPI berkaitan dengan PPPM (PT) diintegrasikan dalam Pelan Strategik UniMAP 2025 untuk memastikan pelaksanaan ke arah pencapaian sasaran berlaku dan untuk memudahkan operasi pemantauan. Pemantauan pelaksanaan inisiatif dan pelan tindakan dilaksanakan secara berterusan manakala pemantauan pencapaian dibuat setiap suku tahun melalui sistem pengurusan prestasi ePIC.

Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, Kesejahteraan Pelajar, Pengantarabangsaan, Libat Sama dan

Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan, Kesejahteraan Pelajar, Pengantarabangsaan, Libat Sama dan Pembangunan Komuniti, sementara Teras Pemangkin ialah Kecemerlangan Bakat, Pemantapan Infrastruktur dan Kelestarian Kewangan.




## PELAN PELAKSANAAN UniMAP 2025

Prestasi, pelaksanaan dan pencapaian UniMAP 2025 dipantau oleh SQM, melalui platform dalam talian http://epic.unimap.edu.my/. Sistem ePIC dibangunkan sebagai platform dalam talian yang membantu dalam pengurusan prestasi dan pelan strategik universiti. Sistem tersebut berfungsi sebagai rujukan tunggal untuk mendapatkan maklumat yang relevan berkaitan Objektif Strategik, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), sasaran, inisiatif dan aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan bertujuan mencapai sasaran bagi KPI yang ditetapkan. Paparan grafik, diagram interaktif dan carta digunakan untuk memastikan data dan maklumat dapat difahami dengan mudah. Semua warga universiti mempunyai akses kepada ePIC tanpa keperluan sebarang kata laluan. Pengurusan sistem ePIC turut dibantu oleh pegawai khusus dari Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC) UniMAP.

Melalui sistem ePIC Versi 2 yang dimulakan pada tahun 2013 (pendaftaran Sijil Hak Cipta CRLY00021677) dan ePIC Versi 3 (pendaftaran Sijil Hak Cipta CRLY00021673), platform ini membolehkan pencapaian semua Teras pada waktu sebenar. UniMAP 2025 ditadbir urus melalui dua jawatankuasa (JK) khusus iaitu JK Teknikal UniMAP 2025 dan JK Pemandu UniMAP 2025. JK Teknikal dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor SQM (atau wakil) untuk meneliti pencapaian secara terperinci sebelum dibentangkan dalam mesyuarat JK Pemandu UniMAP 2025 yang dipengerusikan oleh YBhg. Naib Canselor. JK Pemandu bersidang setiap suku tahun, sebanyak 4 kali setahun, untuk meneliti pencapaian dan membincangkan isu serta fasilitasi yang diperlukan untuk memastikan sasaran mampu dicapai. Semakan sasaran dibenarkan, berdasarkan perubahan persekitaran dan dinamika global.

***Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil***






## SISTEM PENINGKATAN KUALITI DATA KPM (MyMoheS)

SQM menyelaras data UniMAP untuk tujuan input kepada sistem MyMoheS, yan dikendalikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sistem tersebut berfungsi sebagai repositori data bagi semua universiti awam (UA) dalam domain berikut:

- Staf
- Pelajar
- Penyelidikan, Perundingan dan Pengkomersialan (R&D&C)
- Maklumat institusi

MyMoheS merupakan satu sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT bagi menyokong, memudahkan penyaluran, pertukaran dan perkongsian Data atau maklumat antara KPT, Institusi pengajian tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan dan lain-lain agensi kerajaan yang memerlukan keseragaman maklumat. Sistem ini sekaligus membantu universiti dan pihak kementerian dalam menyediakan perancangan, menggubal dasar dan membangunkan sistem pangajian tinggi dengan lebih berkesan. Memandangkan MyMoheS diandaikan sebagai pembekal data universiti yang utama, data yang dibekalkan perlu disahkan dan integriti data perlu dipelihara. SQM memastikan keperluan ini sentiasa dipenuhi. Proses kemasukan data dilaksanakan dengan kerjasama antara pemilik utama data berkaitan dan kumpulan pegawai teknologi maklumat daripada DMDC UniMAP. Mekanisme penarafan bintang digunakan oleh KPT dalam menilai data yang dibekalkan ke sistem MyMoheS, iaitu tertakluk kepada kriteria berikut: kualiti data, kesempurnaan data dan ketepatan masa. SQM komited dalam memastikan data dari UniMAP memenuhi semua kriteria yang ditetapkan. Pada tahun 2021, UniMAP telah berjaya mencatat kejayaan yang membanggakan dengan mendapat penarafan 5 BINTANG dalam Data MyMohes bagi keseluruhan.

***Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil***

## PENARAFAN SETARA

SETARA, satu inisiatif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) di bawah KPT, merujuk kepada Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Ia direka bentuk untuk membantu universiti memberi tumpuan kepada tiga teras utama institusi, dalam usaha ke arah kecemerlangan institusi. Hal ini dilaksanakan dengan merujuk kepada metrik penilaian dan pentaksiran yang relevan, yang justeru diberi tumpuan oleh UniMAP. SQM menyelaras data UniMAP untuk tujuan penilaian SETARA dalam fungsi teras pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan. UniMAP telah berjaya mendapat 5 BINTANG dalam SETARA 2018/2019.

***Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil***

## *OUTCOME BASED BUDGETING* (OBB)

*Outcome Based Budgeting* (OBB) ialah sistem penilaian prestasi berasaskan hasil/pencapaian dengan mengadaptasi pendekatan berasaskan keberhasilan (*outcome)*. Melalui pendekatan bersepadu ini, Jabatan perlu mempunyai hubungan sistematik antara perancangan pembangunan nasional dengan sistem kewangan (OBB) dan prestasi, serta pemantauan dan penilaian sebagai sokongan kepada pihak pengurusan. Dalam pendekatan OBB, penekanan diberikan kepada impak dan keberkesanan projek dan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan output semata-mata. Melalui sistem OBB, perbelanjaan Kerajaan memberi penekanan kepada *Value for Money* serta program dan projek yang mempunyai kesan penggandaan tinggi. Pemantauan berterusan di bawah OBB dapat menyediakan maklumat bagi tujuan penilaian dan pelaporan keberhasilan.

KPI yang ditetapkan untuk tujuan OBB diintegrasikan pelaksanaan dan pemantauannya dengan UniMAP 2025, malahan dipantau melalui sistem ePIC. SQM bekerjasama rapat dengan Jabatan Bendahari UniMAP untuk pengemaskinian data OBB melalui sistem yang memerlukan input data mengikut KPI yang telah ditetapkan dengan kadar dan keperluan maklumat yang dikehendaki oleh pihak KPT. Semua data yang dihantar perlulah mendapatkan pengesahan daripada YBhg. Naib Canselor. Pengemaskinian data OBB ini bertujuan untuk memenuhi keberhasilan yang ditetapkan dalam Kerangka Keberhasilan Nasional (NRF).

***Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil***

## OUTCOME BASED BUDGETING (OBB)

Outcome Based Budgeting (OBB) adalah sebuah sistem yang berasaskan penilaian prestasi berasaskan hasil/pencapaian dengan mengadaptasi pendekatan berasaskan keberhasilan (*outcome)*. Melalui pendekatan bersepadu ini, Jabatan perlu mempunyai hubungan sistematik antara perancangan pembangunan nasional dengan sistem kewangan (OBB) dan prestasi, serta pemantauan dan penilaian sebagai sokongan kepada pihak pengurusan. Dalam pendekatan OBB, penekanan diberikan kepada impak dan keberkesanan projek dan program berbanding mementingkan perbelanjaan dan output semata-mata. Melalui sistem OBB, perbelanjaan Kerajaan memberi penekanan kepada “Value for Money‟ serta program dan projek yang mempunyai kesan penggandaan tinggi. Pemantauan berterusan di bawah OBB dapat menyediakan maklumat bagi tujuan penilaian dan pelaporan keberhasilan.

## KECEMERLANGAN GLOBAL UniMAP [SISTEM PENARAFAN & PEMERINGKATAN QUACQUARELLI SYMONDS (QS) DAN TIMES HIGHER EDUCATION (THE)]

Selain terlibat dengan sistem penilaian dalaman (peringkat universiti dan dalam negara) berkaitan kekuatan universiti seperti SETARA dan *Malaysia Research Assessment* (MyRA), UniMAP juga terlibat dengan penilaian daya saing universiti yang dilaksanakan oleh sistem penarafan dan pemeringkatan pada peringkat global. Sistem utama tersebut adalah QS & THE. Bagi QS, UniMAP terlibat dengan penilaian berikut: *QS World University Rankings* (WUR), *QS Asia University Rankings* dan *QS Subject Rankings*. Bagi THE pula, UniMAP dinilai dalam *THE World University Rankings* (WUR), *THE Asia University Rankings*, *THE Subject Rankings, THE Emerging Economies University Rankings, THE Young University Rankings* dan *THE Impact Rankings.* Data yang perlu dihantar untuk tujuan penilaian disahkan dahulu oleh Naib Canselor UniMAP melalui Jawatankuasa Sistem Penarafan dan Pemeringkatan Global (UGRC). UGRC bersidang empat (4) kali setahun dan dipengerusikan oleh Naib Canselor. JK ini ditubuhkan pada 19 Jun 2020 untuk tujuan semakan dan pengesahan data/ maklumat sebelum dihantar melalui sistem dalam talian yang berkaitan.

Pencapaian UniMAP dalam agenda Kecemerlangan Global UniMAP sepanjang tahun 2021 dipaparkan dalam helaian seterusnya:

***Pegawai SQM yang bertanggungjawab: Puan Nurul Asyikin Fadzil, Pn. Rozila Romali dan Pn. Azimah Azaib***




**THE WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2022**




**QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2022**

## BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO

Bahagian Pengurusan Risiko bertindak sebagai urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti. Bahagian ini bertanggungjawab dalam membangunkan sistem pemantauan dan pelaporan risiko dalam kerangka pengurusan risiko Universiti, yang skopnya menjurus kepada pelaksanaan UniMAP 2025. Di samping itu juga, bahagian ini memberi khidmat sokongan dalam pelaksanaan pengurusan risiko pada peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ). Proses ini dibantu oleh Pegawai Risiko di setiap PTj di UniMAP.

### Objektif pengurusan risiko adalah untuk:

1. Mengenal pasti dan mengurus risiko yang sedia ada dan risiko yang baharu secara terancang dengan kos dan gangguan yang minimum.
2. Membangunkan budaya kesedaran terhadap risiko dalam kalangan staf.
3. Meningkatkan tahap kepuasan serta kepercayaan pelanggan dan stakeholder terhadap UniMAP.
4. Mewujudkan suasana persekitaran yang selamat dan kondusif untuk Universiti melaksanakan operasi seperti yang dirancang.

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

a. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (Tier 4)

b. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster (Tier 3)

c. Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Risiko (Tier 2)

d. Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko PTj (Tier 1)

# LAPORAN
## TAHUNAN 2021

# LAPORAN AKTIVITI 2021
# | Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko

## PERKONGSIAN PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI UTARA MALAYSIA BERSAMA BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO, PUSAT PENGURUSAN STRATEGI & KUALITI (SQM)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 7 Januari 2021 (Khamis) |
| **TEMPAT** | Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti, Aras 3, Bangunan Canselori, Kampus Alam Unimap |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | Wakil UUM<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Ketua dan Pegawai Bahagian Strategi & PengurusanRisiko<br>- Ketua dan Pegawai Bahagian Kualiti & Akreditasi |
| **OBJEKTIF** | 1. Berkongsi maklumat dan pengalaman antara UniMAP dan UUM berkaitan pengurusan risiko.<br>2. Menyumbangkan idea dalam pengurusan risiko di UniMAP. |

## MAJLIS APRESIASI SETARA'19

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 11 Januari 2021 (Isnin) |
| **TEMPAT** | Auditorium, Bangunan Canselori, Kampus Alam Unimap, Pauh Putra |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Timbalan – Timbalan Naib Canselor UniMAP SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Mengadakan Majlis Penghargaan kepada Pemilik Data SETARA 2019. Penyampaian sijil penghargaan kepada pemilik data di atas sumbangan dalam mengemaskini data untuk keperluan Audit SETARA 2019. |

## SESI PERBINCANGAN QS & THE SUBJECT RANKINGS EDISI 2021

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 15 Januari 2021 (Jumaat) |
| **TEMPAT** | Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti, Aras 3, Bangunan Canselori, Kampus Alam Unimap |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Ketua Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Pegawai – Pegawai SQM<br>- Wakil Pusat Pengurusan Akademik (AMC) |
| **OBJEKTIF** | 1. Memberi taklimat berkenaan QS & THE Subject Rankings bagi edisi 2021.<br>2. Membincangkan penetapan kaedah pengumpulan maklumat bagi keperluan QS dan THE Subject Rankings. |

# ONLINE MEETING: "THE AWARDS ASIA 2021"

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 19 Januari 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor, SQM<br>- Bahagian Pengurusan Risiko, SQM<br>- Wakil Pusat Inovasi & Pengkomersialan (CIC) |
| **OBJEKTIF** | 1. Memberi taklimat berkenaan THE Awards Asia 2021.<br>2. Membincangkan berkenaan projek-projek yang berkelayakan dan berpotensi untuk menyertai THE Awards Asia bagi tahun 2021. |

# MESYUARAT JAWATANKUASA PENARAFAN & PEMERINGKATAN GLOBAL UNIVERSITI (UGRC) BIL.1/2021 KALI KE 2

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 28 Januari 2021 (Khamis) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Timbalan - Timbalan Naib Canselor UniMAP<br>- Ketua Jabatan UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor, SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Pemakluman keputusan Rankings kepada UGRC<br>***THE WUR Subject Rankings 2021***<br>***THE WUR Subject Rankings 2021***<br>***QS University Rankings Asia Region 2021***<br>***Qs World University Rankings 2022***<br><br>2. Pemakluman data *Academic Reputation Survey dan Employer Reputation Survey tahun 2019* kepada UGRC. |






# MESYUARAT JAWATANKUASA PENARAFAN DAN PEMERINGKATAN GLOBAL (UGRC) UniMAP BIL.2 2021 KALI KE 3

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 22 Mac 2021 (Isnin) |
| **TEMPAT** | Bilik Mesyuarat Aras 2, Jabatan Bendahari, Bangunan Canselori , Kampus Alam Unimap, Pauh Putra |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Timbalan - Timbalan Naib Canselor UniMAP<br>- Ketua Jabatan UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa UGRC UniMAP |
| **OBJEKTIF** | 1. Pengesahan Data kepada jawatankuasa penarafan dan pemeringkatan global:<br>- QS Asia Rankings [Data 2020]<br>- THE WUR [Data 2019]<br>2. Pelaporan keputusan kepada jawatankuasa penarafan dan pemeringkatan global:<br>- SETARA<br>- QS Subject Rankings<br>- THE Emerging Economies University Rankings (EEUR)<br>3. Hal-hal lain<br>Pertimbangan penyertaan UniMAP dalam QS Stars |

# MESYUARAT PELARASAN KPI MTUN EXCELLENCE

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 22 Mac 2021 (Isnin) |
| **TEMPAT** | Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti, Aras 3, Bangunan Canselori, Kampus Alam Unimap |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor, SQM<br>- Bahagian Strategi, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Memberi taklimat berkenaan KPI MTUN Excellence.<br>2. Membincangkan berkenaan cara dan kaedah untuk mendapatkan data bagi KPI MTUN Excellence. |

# TAKLIMAT PENGGUNAAN DASHBOARD UniMAP 2025

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | SIRI 1: 23 Mac 2021 (Selasa)<br>SIRI 2: 24 Mac 2021 (Rabu)<br>SIRI 3: 25 Mac 2021 (Khamis)<br>SIRI 4: 26 Mac 2021 (Jumaat)<br>SIRI 5: 30 Mac 2021 (Selasa) |
| **TEMPAT** | Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti, Aras 3, Bangunan Canselori, Kampus Alam Unimap |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor, SQM<br>- Bahagian Strategi, SQM<br>- Timbalan Dekan JIPK Fakulti |
| **OBJEKTIF** | 1. Menyediakan panduan kemasukan data kepada Setiausaha Teras dan pemilik data PTj. Penambahbaikan sistem dilaksanakan hasil daripada maklumbalas yang diterima dalam sesi taklimat.<br>2. Membincangkan kaedah pengumpulan data bagi KPI UniMAP 2025 untuk<br>3. tujuan penambahbaikan proses. |





# TAKLIMAT DASAR PENGURUSAN RISIKO UniMAP

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 13 April 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | Pasukan Pengurusan Risiko UniMAP<br>Penolong Naib Canselor, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Menyampaikan taklimat pengenalan Dasar Pengurusan Risiko UniMAP kepa da semua Ketua Jabatan seperti berikut:<br>- Latar Belakang Pengurusan Risiko<br>- Tadbir Urus Pengurusan Risiko UniMAP<br>- Proses Pengurusan Risiko<br>- Takwim Pengurusan Risiko UniMAP |

# SESI PENELITIAN KPI UniMAP 2025 BERSAMA SETIAUSAHA TERAS

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 15 April 2021 (Khamis) |
| **TEMPAT** | Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti, Aras 3, Bangunan Canselori, Kampus Alam Unimap |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor, SQM<br>- Pegawai Bahagian Strategi, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Sesi pembentangan pencapaian UniMAP 2025 bagi suku pertama bersama Setiausaha Teras.<br>2. Meneliti pencapaian UniMAP 2025 di dalam sistem ePIC. |






# [TIER 1]: TAKLIMAT DASAR PENGURUSAN RISIKO UniMAP

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 27 April 2021 (Selasa) |
| **TEMPAT** | Auditorium Bangunan Canselori Aras 1, Kampus Alam Unimap, Pauh Putra |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Menyampaikan taklimat pengenalan Dasar Pengurusan Risiko UniMAP kepada semua Pusat Tanggungjawab seperti berikut:<br>- Latar Belakang Pengurusan Risiko<br>- Tadbir Urus Pengurusan Risiko UniMAP<br>- Proses Pengurusan Risiko<br>- Takwim Pengurusan Risiko UniMAP- |

# [TIER 1] TAKLIMAT DASAR PENGURUSAN RISIKO UniMAP

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 7 Mei 2021 (Jumaat) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM. Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko UniMAP |
| **OBJEKTIF** | 1. Sesi soal jawab mengenai pengenalan Dasar Pengurusan Risiko UniMAP kepada semua Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Pengu rusan Kualiti (JIPK) & Penyelaras Sistem Pengurusan Strategi dan Kualiti (SPSK) seperti berikut:<br>- Latar Belakang Pengurusan Risiko<br>- Tadbir Urus Pengurusan Risiko UniMAP<br>- Proses Pengurusan Risiko<br>- Takwim Pengurusan Risiko UniMAP |





## MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU UniMAP 2025 FASA II (2020-2022) BIL.1/2021 KALI KE-7

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 7 Mei 2021 (Jumaat) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Ketua Teras UniMAP 2025<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Setiausaha Teras UniMAP 2025<br>- Bahagian Strategi, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Membentangkan laporan pencapaian KPI UniMAP 2025 bagi suku pertama 2021.<br>2. Membincangkan kaedah menangani isu/kekangan yang dihadapi oleh Teras. |

b

## PERBINCANGAN INDIKATOR PENYELIDIKAN BAGI THE IMPACT RANKINGS

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 10 Mei 2021 (Isnin) |
| **TEMPAT** | Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti, Aras 3, Bangunan Canselori, Kampus Alam Unimap |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Prof. Madya Dr. Naimah Ibrahim (Menjalankan fungsi sebagai Pengara Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)<br>- Encik Yusrizal Musanip (Pegawai Tadbir, PTNC Penyelidikan & Ino vasi) |
| **OBJEKTIF** | 1. Perbincangan mengenai indikator THE Impact Rankings yang berkaitan tindakan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC). |

# PERBINCANGAN INDIKATOR THE IMPACT RANKINGS YANG BERKAITAN TINDAKAN COSCEM

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 28 Mei 2021 (Jumaat) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Prof. Madya Ts. Dr. Siti Khadijah Za'aba, Pengarah COSCEM<br>- Ir. Ts. Tunku Muhammad Nizar Tunku Mansur, Timbalan Pengarah |
| **OBJEKTIF** | 1. Perbincangan mengenai indikator THE Impact Rankings yang berkaitan tindakan COSCEM. |

# BENGKEL THE IMPACT RANKINGS UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 8 Jun 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Pasukan THE UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Pengumpulan data/ maklumat mengenai indicator THE Impact Rankings |






# SESI PENELITIAN KPI UniMAP 2025 (DATA SUKU KE-2)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | SESI 1: 9 Julai 2021 (Jumaat) / 8.30 pagi – 9.30 pagi |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor , SQM,<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Setiausaha Teras (Teras Akademik)<br>- Setiausaha Teras (Teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan)<br>- Setiausaha Teras (Teras Kesejahteraan Pelajar)<br>- Setiausaha Teras (Teras Pengantarabangsaan)<br>- Setiausaha Teras (Teras Libatsama dan Pembangunan Komuniti)<br>- Setiausaha Teras (Teras Kecemerlangan Bakat)<br>- Setiausaha Teras (Teras Pemantapan Infrastruktur)<br>- Setiausaha Teras (Teras Kelestarian Kewangan) |
| **OBJEKTIF** | 1. Sesi pembentangan pencapaian UniMAP 2025 bagi suku kedua bersama Setiausaha Teras.<br>2. Meneliti pencapaian UniMAP 2025 di dalam sistem ePIC. |

# MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PENGURUSAN RISIKO [TIER 2]

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 12 Julai 2021 (Isnin) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM,<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Risiko (Wakil daripada setiap jabatan di UniMAP) |
| **OBJEKTIF** | 1. Membincangkan berkenaan daftar risiko yang telah didaftarkan oleh wakil s setiap PTj yang telah dilantik.<br>2. Pemilik risiko membentangkan risiko yang telah dikenal pasti di PTj masing - masing. |

# MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU UNIMAP 2025 BIL.2/2021 KALI KE-8 (DATA JUN 2021)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 15 Julai 2021 (Khamis) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor SQM,<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ketua Teras UniMAP 2025<br>- Setiauasaha Teras UniMAP 2025 |
| **OBJEKTIF** | 1. Membentangkan laporan pencapaian KPI UniMAP 2025 bagi suku kedua tahun 2021.<br>2. Membincangkan kaedah menangani isu/kekangan yang dihadapi oleh Teras. |

# SESI PERBINCANGAN PENYELARASAN KPI MTUN EXCELLENCE

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | SIRI 1: 22 Julai 2021 (Khamis) / 9.00 pagi – 11.00 pagi<br>SIRI 2: 22 Julai 2021 (Khamis) / 2.00 petang – 4.00 petang |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM,<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Wakil setiap Jabatan di UniMAP |
| **OBJEKTIF** | 1. Sesi pembentangan pencapaian UniMAP 2025 bagi suku kedua bersama Setiausaha Teras.<br>2. Meneliti pencapaian UniMAP 2025 di dalam sistem ePIC. |






# MESYUARAT TIR: REPORT FORMAT FOR RELEVANT INDICATORS [FACULTY, CoE & PTj]

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 23 Julai 2021 (Jumaat) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Dekan Fakulti di UniMAP<br>- Ketua Jabatan UniMAP<br>- Ketua Pusat Kecemerlangan UniMAP |
| **OBJEKTIF** | 1. Taklimat berkenaan penyelarasan pengumpulan data bagi TIR.<br>2. Membincangkan kaedah pengumpulan data TIR dari setiap PTj di UniMAP. |

# MESYUARAT JAWATANKUASA PENARAFAN & PEMERINGKATAN GLOBAL UNIVERSITI (UGRC) KALI KE-4 BIL.3/2021

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 27 Julai 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor SQM,<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa UGRC di UniMAP |
| **OBJEKTIF** | 1. Pemakluman keputusan Rankings kepada jawatankuasa penarafan dan pemeringkatan global.<br>- ***THE Asia University Rankings 2021***<br>- ***THE Young University Rankings 2021***<br>- ***THE Impact Rankings 2021***<br>- ***Qs World University Rankings 2022***<br>2. Perbincangan: Keperluan langganan *QS Analytic Tracker.*<br>3. Membincangkan Cadangan penyertaan UniMAP dalam *The International Green Gown Awards.*<br>4. Makluman Output Bengkel *Times Higher Education Impact Rankings* (TIR).<br>5. Membincangkan berkenaan Persediaan audit SETARA 2021. |

# MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO KLUSTER (Tier 3)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 2 Ogos 2021 (Isnin) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor SQM, Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster di UniMAP |
| **OBJEKTIF** | 1. Pembentangan hasil penilaian risiko PTj.<br>2. Taklimat berkenaan latar belakang pengurusan risiko UniMAP. |

# TAKLIMAT PERSEDIAAN AUDIT SETARA 2021/2022

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 17 Ogos 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM ,<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- PIC Data bagi setiap Jabatan di UniMAP |
| **OBJEKTIF** | 1. Taklimat persediaan penyediaan data bagi Audit SETARA 2021/2022.<br>2. Pembentangan mengenai hasil dapatan Audit SETARA 2019 yang lepas.<br>3. Perbincangan mengenai penambahbaikan penyediaan data bagi Audit SETARA 2021/2022. |






# SESI PERBINCANGAN KEPERLUAN MAKLUMAT QS ACADEMIC REPUTATION 2023

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 25 Ogos 2021 (Rabu) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- TD JIPK Fakulti di UniMAP<br>- RMC |
| **OBJEKTIF** | 1. Taklimat berkenaan keperluan maklumat QS Academic Reputation 2023.<br>2. Membincangkan kaedah yang berkesan dalam mendapatkan maklumat staf akademik di setiap universiti samaada di dalam negara mahupun di luar negara. |

# MESYUARAT KHAS JAWATANKUASA PENARAFAN DAN PEMERINGKATAN GLOBAL UNIVERSITI (UGRC)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 7 September 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Mee t |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa UGRC |
| **OBJEKTIF** | 1. Pelaporan: THE World University Rankings 2022<br>2. Perbandingan pencapaian THE World University Rankings 2022, 2021 dan 2020<br>3. Tindakan / Strategi UniMAP – THE World University Rankings |



# MESYUARAT KHAS JAWATANKUASA PEMANDU UniMAP 2025

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 9 September 2021 (Khamis) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa Pemandu UniMAP 2025 |
| **OBJEKTIF** | 1. Membentangkan laporan pencapaian KPI UniMAP 2025 bagi tahun 2021.<br>2. Membincangkan kaedah menangani isu/kekangan yang dihadapi oleh Teras. |

# SESI PERKONGSIAN: PENERAPAN ELEMEN SDG DALAM KURIKULUM (SQM/COSCEM)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 13 September 2021 (Isnin) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- COSCEM |
| **OBJEKTIF** | 1. Taklimat berkenaan penerapan elemen SDG dalam kurikulum.<br>2. Sesi perkongsian idea dan kaedah yang berkesan untuk menerapkan elemen SDG dalam kurikulum. |






# SESI PERBINCANGAN KEPERLUAN MAKLUMAT QS EMPLOYER REPUTATION 2023

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 14 September 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- TD JIPK Fakulti di UniMAP<br>- Wakil CEICnet<br>- AMC<br>- CIE<br>- ALUMNI |
| **OBJEKTIF** | 1. Taklimat berkenaan keperluan maklumat QS Employer Reputation 2023.<br>2. Membincangkan kaedah yang berkesan dalam mendapatkan maklumat pekerja di setiap syarikat atau industri samaada di dalam negara mahupun di luar negara. |

# SESI TAKLIMAT DAN PRA MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI (Tier 4)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 4 Oktober 2021 (Isnin) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Ahli Lembaga Pengarah (UniMAP)<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Taklimat kali pertama kepada Ahli Lembaga Pengarah (UniMAP) iaitu Dato' Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub yang telah dilan tik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universi ti UniMAP.<br>2. Taklimat ini diadakan untuk memberi gambaran berkenaan per-jalanan mesyuarat tersebut sebelum mesyuarat yang sebenar diadakan. |

# MESYUARAT KUALITI DATA SISTEM MYMOHES BIL. 2/2021

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 6 Oktober 2021 (Rabu) |
| **KAEDAH** | Secara Dalam Talian (Microsoft Teams) |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Wakil DMDC |
| **OBJEKTIF** | 1. Semakan data<br>- Mengenal pasti setiap data yang memerlukan pembetulan.<br>- Menyelesaikan isu semasa Sistem MyMoheS (e-anjung) antara pihak SQM dan Pusat Digital, DMDC.<br>- Menyelesaikan isu pengurusan antara penyelarasan pentadbiran SQM dan DMDC.<br>- Menyelesaikan isu Pusat Data yang dikawal oleh DMDC dan isu pentad biran di SQM. |

# MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI (Tier 4)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 11 Oktober 2021 (Isnin) |
| **TEMPAT/KAEDAH** | Bilik Mesyuarat Eksekutif, Pejabat Naib Canselor dan Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Ahli Lembaga Pengarah (UniMAP)<br>- Naib Canselor UniMAP<br>- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM |
| **OBJEKTIF** | 1. Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti (Tier 4) Kali Pertama Bil. 1/ 2021<br>2. Laporan Penilaian Risiko PTj (Tier 2)<br>3. Laporan Penilaian Risiko PTj (Tier 3) |





# MESYUARAT BAGI MEMBINCANGKAN PELAKSANAAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (SDG) LANJUTAN KELULUSAN JKPU KALI KE-195 BIL.19/2021 BERSAMA PENDAFTAR UniMAP

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 13 Oktober 2021 (Rabu) |
| **TEMPAT** | Bilik Diskusi SQM |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Pendaftar UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Wakil Jabatan Pendaftar |
| **OBJEKTIF** | 1. Membincangkan kaedah pelaksanaan matlamat pembangunan lestari (SDG) kepada warga UniMAP.<br>2. Membincangkan kepentingan untuk melaksanakan matlamat pem bangunan lestari (SDG) kepada warga UniMAP. |

# SESI PERBINCANGAN PENETAPAN SASARAN UniMAP DALAM QS/THE

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 5 November 2021 (Jumaat) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ketua Pustakawan<br>- Pengarah RMC |
| **OBJEKTIF** | 1. Membincangkan kaedah penetapan sasaran UniMAP dalam pengum pulan data bagi penilaian QS dan THE. |





# MESYUARAT JAWATANKUASA PENARAFAN DAN PEMERINGKATAN GLOBAL (UGRC) UniMAP KALI KE 5 BIL.4/2021

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 9 November 2021 (Selasa) |
| **TEMPAT** | Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 2 Bangunan Canselori |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa UGRC |
| **OBJEKTIF** | 1. Pengesahan Minit Mesyuarat UGRC Kali Ke-4 Bil 3/2021 & Minit Mesyuarat Khas UGRC Kali Pertama Bil. 1/ 2021<br>2. Pembentangan data untuk pengesahan:<br>i) Times Higher Education (THE) University Impact Rankings 2022 – TIR 2022 |

# SESI PENELITIAN PENCAPAIAN KPI UniMAP 2025 (DATA SUKU KE-3)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 9 November 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Setiausaha Teras UniMAP 2025 |
| **OBJEKTIF** | 1. Sesi pembentangan pencapaian UniMAP 2025 bagi suku ketiga bersama Setiausaha Teras.<br>2. Meneliti pencapaian UniMAP 2025 di dalam sistem ePIC. |






# SESI PENELITIAN PENCAPAIAN KPI UniMAP 2025 (DATA SUKU KE-3)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 9 November 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Setiausaha Teras UniMAP 2025 |
| **OBJEKTIF** | 1. Sesi pembentangan pencapaian UniMAP 2025 bagi suku ketiga bersama Setiausaha Teras.<br>2. Meneliti pencapaian UniMAP 2025 di dalam sistem ePIC. |

# MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANDU UNIMAP 2025 BIL.3/2021 KALI KE-9 (DATA SEPT 2021)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 16 November 2021 (Selasa) |
| **TEMPAT** | Bilik Mesyuarat Jabatan Bendahari, Aras 2 Bangunan Canselori |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ketua Teras UniMAP 2025<br>- Setiausaha Teras UniMAP 2025 |
| **OBJEKTIF** | 1. Membentangkan laporan pencapaian KPI UniMAP 2025 bagi suku ketiga tahun 2021.<br>2. Membincangkan kaedah menangani isu/kekangan yang dihadapi oleh Teras. |






# BENGKEL UNIMAP 2025: STRATEGIC REVIEW (DAY-1)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 16 November 2021 (Selasa) |
| **TEMPAT** | Auditorium Canselori, Aras 1 Bangunan Canselori |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Naib Canselor UniMAP<br>- Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ketua Teras UniMAP 2025<br>- Setiausaha Teras UniMAP 2025 |
| **OBJEKTIF** | 1. Taklimat oleh Penolong Naib Canselor tentang persediaan penerbtan Dokumen UniMAP 2025<br>2. Penyampaian maklumat tentang keperluan Teras dalam menyediakan KPI & Sasaran baharu. |






# SESI PERBINCANGAN PRA-BENGKEL KETUA TERAS UNIMAP 2025

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | SESI 1: 18 November 2021 (Khamis)<br>SESI 2: 26 November 2021 (Jumaat) |
| **TEMPAT** | Bilik Diskusi SQM |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ketua Teras UniMAP 2025 |
| **OBJEKTIF** | 1. Membincangkan berkenaan KPI & Sasaran baharu bersama ketua teras. |

# MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN PENGURUSAN RISIKO (Tier 2) KALI KEDUA BIL. 2/ 2021

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 23 November 2021 (Selasa) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Ahli Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Risiko bagi setiap jabatan di UniMAP |
| **OBJEKTIF** | 1. Membincangkan berkenaan daftar risiko baharu yang telah didaftarkan oleh wakil setiap PTj yang telah dilantik.<br>2. Pemilik risiko membentangkan risiko yang telah dikenal pasti di PTj masing-masing. |



# SESI PERBINCANGAN DAN SEMAKAN DATA MyMoheS UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP) BAGI MODUL PELAJAR (CUT OFF DATE 30 NOVEMBER 2021)

| | |
|---|---|
| **TARIKH** | 17 Disember 2021 (Jumaat) |
| **KAEDAH** | Google Meet |
| **PESERTA/ KEHADIRAN** | - Penolong Naib Canselor SQM<br>- Bahagian Strategi & Pengurusan Risiko, SQM<br>- Pemilik Data MyMoheS |
| **OBJEKTIF** | 1. Penyediaan dan penyelarasan Data UniMAP kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT).<br>2. Mengenal pasti setiap data yang memerlukan pembetulan sebelum dihantar melalui portal e-anjung MyMoheS. |











# LAPORAN
# TAHUNAN 2021

# BAHAGIAN KUALITI & AKREDITASI

# PENGURUSAN KUALITI

Bahagian Kualiti & Akreditasi, secara amnya, bertanggungjawab menjalankan dua fungsi utama. Pertama, bahagian ini memastikan penilaian serta pengawasan jaminan kualiti berterusan dilaksanakan di semua peringkat pengurusan dan pentadbiran universiti. Manakala fungsi yang kedua adalah secara umumnya, melibatkan pengurusan keperluan akreditasi serta perolehan pengiktirafan daripada badan kelayakan bagi semua program-program akademik yang ditawarkan di universiti.

**SISTEM PENGURUSAN KUALITI UniMAP**

Pengurusan kualiti UniMAP telah menggunapakai Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001. Pada 16 Julai 2010, UniMAP telah berjaya memperoleh persijilan MS ISO 9001:2008 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Skop persijilan UniMAP merangkumi pemberian perkhidmatan pendidikan tinggi program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian). Bermula dengan MS ISO 9001:2008, UniMAP telah membuat peralihan kepada MS ISO 9001:2015 (Quality Management Systems) pada tahun 2016. MS ISO 9001:2015 memberi penekanan kepada prinsip pengurusan kualiti seperti berikut:

- tumpuan kukuh terhadap pelanggan
- motivasi pengurusan tertinggi
- penglibatan semua orang dalam organisasi
- pendekatan proses
- pembuatan keputusan berasaskan bukti
- penambahbaikan berterusan.
- pengurusan perhubungan

Penggunaan Sistem Pengurusan Kualiti ini membantu UniMAP memastikan perkara berikut:

- Pengurusan teras utama universiti yang lebih berkesan dalam memastikan keperluan pelanggan dan pemegang taruh dapat dipenuhi, justeru menghasilkan *output* yang lebih baik dari segi kualiti pelajar, bakat-bakat lain, perkhidmatan dan kepuasan pelanggan;
- Kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi, memandangkan prosedur teras universiti dilaksanakan berdasarkan proses dan prosedur jelas yang memberi penekanan kepada pengurangan pembaziran (masa, usaha, kos) dan penggunaan sumber secara optimum;

- Penambahbaikan berterusan, yang memerlukan UniMAP untuk sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, melalui semakan proses dan maklum balas pelanggan; dan
- Peningkatan kedudukan UniMAP sebagai pembekal perkhidmatan pengajian tinggi yang mempunyai daya saing yang tinggi, justeru memberi keterlihatan pasaran yang baik dan kredibiliti kepada universiti.

***Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En. Muhammad Hidham Haris***

## PROSES AUDIT SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) UniMAP

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) UniMAP telah merancang proses audit berkala setiap tahun iaitu Audit Dalaman SPK dilaksanakan pada bulan November dan Audit Badan Pensijilan Luar oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd. dilaksanakan pada bulan Jun setiap tahun untuk memantau pelaksanaan SPK di UniMAP.

Audit Dalaman SPK Tahun 2020

- Audit Dalaman SPK telah dilaksanakan pada 19 November sehingga 22 Disember 2020.
- Melibatkan 20 kumpulan audit dalaman yang terdiri daripada 42 orang Juruaudit Dalaman.
- Sebanyak 14 Pusat Tanggungjawab dan 6 Fakulti telah diaudit untuk menyemak keberkesanan SPK yang dilaksanakan berdasarkan prosedur kualiti dan piawaian MS ISO 9001:2015.

Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS

- UniMAP telah melalui audit pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh 2 orang juruaudit SIRIM QAS pada 8 hingga 10 Julai 2020. Perancangan awal adalah pada bulan Jun tetapi ditunda disebabkan oleh pandemik COVID-19.
- Proses audit dilaksanakan secara 50% bersemuka dan 50% atas talian.
- Pusat tanggungjawab yang terlibat adalah
  - ◊ Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
  - ◊ Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi
  - ◊ Institut Matematik Kejuruteraan
  - ◊ Pusat Kokurikulum
  - ◊ Pusat Pengurusan Akademik
  - ◊ Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti

Hasil penemuan audit pemantauan, UniMAP berjaya meneruskan pensijilan MS ISO 9001:2015 dengan tiga (3) Laporan Penambahbaikan dilaporkan.

## KAJIAN TAHAP KEPUASAN STAF DAN INDEKS KESEJAHTERAAN MAHASISWA

Sebagai keperluan QMS MS ISO 9001:2015, di bawah klausa 9.1.2, UniMAP diperlukan untuk mewujudkan mekanisme untuk mengukur kepuasan pelanggannya terhadap perkhidmatan dan produk yang ditawarkan. SQMmelaksanakan Kajian Tahap Kepuasan Staf dan Indeks Kesejahteraan Mahasiswa untuk memenuhi keperluan ini, dan untuk memastikan universiti peka terhadap keperluan, kegusaran dan kepuasan staf serta mahasiswa. Dapatan kajian dibentangkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), di mana isu  yang timbul dibincang dan dicadangkan penyelesaian.

***Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En Muhammad Hidham Haris***

## SISTEM PENGURUSAN KUALITI eQDoc

Sistem eQDoc ialah sistem pengurusan dokumentasi ISO atas talian yang boleh diakses oleh semua staf UniMAP. Dibangunkan pada Disember 2009, eQDoc membantu mengurangkan beban dan kos yang terlibat dalam proses dokumentasi ISO, serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi berkaitan ISO di universiti.

## SISTEM PEMIKIRAN BERASASKAN RISIKO (eRBT)

UniMAP telah mengenalpasti satu kaedah penilaian risiko yang sesuai bagi memenuhi keperluan-keperluan berkanun, perundangan dan Piawaian MS ISO 9001:2015. Penetapan dasar dan objektif kualiti juga mengambil kira proses mengurangkan risiko-risiko ke tahap yang boleh diterima.  Pendekatan pemantauan risiko yang digunakan oleh UniMAP ialah dengan menggunakan sistem secara keseluruhan yang dikenali sebagai e-RBT. Pemantauan tersebut dilaksanakan secara berkala 4 kali setahun untuk melihat keberkesanan tindakan mitigasi yang dinyatakan.

***Pegawai SQM yang bertanggungjawab: En Muhammad Hidham Haris***

# AKREDITASI

**Akreditasi di bawah penilaian Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

Kesemua program-program yang ditawarkan oleh UniMAP pada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana serta PhD adalah tertakluk kepada perakuan akreditasi di bawah Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). MQA merupakan badan tertinggi yang bertanggungjawab dalam memantau dan mengawal amalan jaminan kualiti dan akreditasi program pengajian yang ditawarkan oleh universiti. Peranan ini dilaksanakan berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang menjadi titik rujukan untuk kriteria dan piawaian kelayakan program. Walaubagaimanapun, bagi program akademik yang memerlukan pengiktirafan dari badan professional seperti Lembaga Jurutera Malaysia, program-program ini akan dinilai pengiktirafan oleh badan profesional tersebut sebelum disahkan oleh MQA.

**Akreditasi di bawah penilaian Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) dan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC) di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)**

Kelayakan program-program Sarjana Muda Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan yang ditawarkan oleh UniMAP dinilai melalui penilaian akreditasi oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan/ Engineering Accreditation Council (EAC) dan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan/ Engineering Technology Accreditation Council (ETAC). Penilaian ini bertujuan mendapatkan pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera Malaysia/ Board of Engineers Malaysia (BEM) untuk melayakkan para siswazah kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan mendaftar sebagai Jurutera (*Engineer*) serta Jurutera Teknologis (*Engineering Technologist*). Perkara ini termaktub dalam standard kriteria serta kualiti berterusan yang ditetapkan oleh EAC dan ETAC selaras dengan keperluan semasa berdasarkan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015).

**Pengiktirafan oleh Badan Profesional**

Profesional di UniMAP diterangkan sebagai staf/individu yang memiliki kepakaran dalam bidang pengkhususan (disiplin pekerjaan) yang telah didaftarkan badan profesional yang diiktiraf bagi melakukan/melaksanakan tugas hakiki mahupun dalam bidang yang diceburi. Ianya dilakukan secara profesional dengan menggunakan kepakaran, kecekapan, kemahiran dan pengalaman dalam sesuatu bidang/tugas yang dijalankan.

**Jurutera Profesional**

Jurutera Profesional adalah pengiktirafan yang diberikan oleh badan profesional kepada individu yang berkelayakan dalam bidang kejuruteraan dengan pengkhususan tertentu. Pengiktirafan Jurutera Profesional ini merangkumi Professional Engineer (pengiktirafan daripada Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)) dan Chartered Engineer (pengiktirafan daripada institusi luar negara seperti United Kingdom (UK) Engineering Councils melalui Institution of Engineering and Technology (IET), Institution of Mechanical Engineers (IMechE), The Institution of Chemical Engineers (IChemE), dan lain- lain.

Mulai tahun 2020, SQM bersama dengan DMDC telah membangunkan Sistem Pengurusan Rekod Jurutera Profesional melalui satu modul di dalam UniSIS. Melalui modul ini juga, SQM dapat menyelaraskan data staf akademik UniMAP yang telah berjaya memperolehi pengiktirafan jurutera profesional daripada BEM. Manakala bagi menggalakkan serta menambahkan lagi bilangan jurutera profesional yang diiktiraf oleh BEM, pihak Universiti telah meluluskan pemberian geran insentif penerbitan sebanyak RM3000.00 untuk tempoh tiga tahun. Pemberian geran insentif penerbitan ini telah diluluskan di dalam mesyuarat LPU ke 73, Bil. 4 2020 yang lalu. Melalui pemberian geran ini, ianya akan meningkatkan bilangan jurutera profesional di UniMAP serta meningkatkan lagi bilangan penerbitan berindeks SCOPUS yang dihasilkan oleh staf akademik universiti.

Sehingga Disember 2020, seramai 105 orang staf akademik UniMAP telah berjaya memperolehi pengiktirafan profesional mengikut bidang-bidang utama kejuruteraan yang ditetapkan. Pecahan staf akade-

# LAPORAN TAHUNAN 2021

# LAPORAN AKTIVITI 2021 | Bahagian Kualiti

## PERBINCANGAN BERKAITAN PENAMBAHAN INSTRUMEN ONLINE DALAM KAJIAN KEPUASAN STAF & MAHASISWA.

Perbincangan ini dilaksanakan bertujuan untuk menambahbaik instrumen dengan mengambil kira perkhidmatan secara dalam talian yang diberikan kepada pelajar dan staf di sepanjang tahun 2020 dan juga pembangunan instrumen baharu oleh LEAD & AED berkaitan dengan pengajaran & pembelajaran di UniMAP.

Perbincangan ini telah diadakan pada 6 Januari 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) & 12 Januari 2021 secara dalam talian.



## SESI PERKONGSIAN MAKLUMAT BERKENAAN PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)



Sesi perkongsian maklumat ini telah di adakan pada 7 Januari 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Aras 3, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

Perkongsian maklumat ini bertujuan untuk memahami pengurusan risiko serta kepentingan di Universiti Awam (UA) terutamanya selepas berlakunya pandemik COVID-19 dan juga perkongsian idea, pengalaman dan isu-isu perlaksanaan pengurusan risiko di Universiti Utara Malaysia (UUM).

# HEBAHAN DAN MAJLIS PERASMIAN OBJEKTIF KUALITI BAHARU UniMAP




Majlis ini diadakan pada 11 Januari 2021 bertempat di Auditorium Bangunan Canselori, Kampus Alam UniMAP, Pauh Putra yang dirasmikan oleh Mantan Naib Canselor UniMAP, Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad.

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil.1/2019 yang diadakan pada 18 Mei 2020 telah memutuskan supaya Objektif Kualiti UniMAP disemak semula. Antara pindaan yang berlaku terhadap Objektif Kualiti UniMAP adalah:

**Objektif Kualiti Pertama: Graduan memperolehi PNGK 3.00 ke atas dalam setiap konvokesyen:**

- 40% bagi Program Kejuruteraan | 60% bagi Program Teknologi Kejuruteraan | 75% bagi Program Media Baharu | 50% bagi Program Keusahawanan Kejuruteraan & Perniagaan Antarabangsa | 60% bagi Program Diploma Kejuruteraan

**Objektif Kualiti Kedua: 75% daripada pensyarah berkelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau kelayakan yang setaraf dengannya**

**Objektif Kualiti Keenam: 30% Jurutera Profesional (PE) atau setaraf dari jumlah minimum staf akademik yang diperlukan berdasarkan nisbah staf:pelajar iaitu 1:20 bagi setiap program kejuruteraan di fakulti.**

Pindaan ini ialah sebahagian daripada proses penambahbaikan berterusan yang ditetapkan oleh Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di UniMAP justeru menepati keperluan piawaian MS ISO 9001:2015.

# PERBINCANGAN PENGURUSAN RISIKO (RBT) BERSAMA PEMILIK PROSES JABATAN BENDAHARI

Perbincangan ini diadakan pada 1 Februari 2021 secara atas talian bertujuan untuk memberi taklimat berkenaan pengurusan risiko kepada pemilik proses yang baharu dan juga mengemaskini  senarai risiko yang telah dikenalpasti oleh pemilik proses berkenaan proses perolehan.




# PERBINCANGAN STATUS PELAPORAN BAGI MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) BIL.1/2020




Perbincangan ini diadakan pada 10 Februari 2021 secara atas talian berkaitan status dan pelaporan MKSP Bil.1/2020.

Perbincangan ini juga berkaitan dengan pengumpulan dan analisis data yang dikumpulkan sepanjang tahun 2020 untuk dilaporkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil.1/2020.

# PELAKSANAAN KAJIAN TAHAP KEPUASAN STAF & INDEKS KESEJAHTERAAN MAHASISWA UniMAP TAHUN 2020

Pelaksanaan kajian tahap kepuasan staf dan indeks kesejahteraan mahasiswa bertujuan menilai perkhidmatan universiti sepanjang tahun 2020.

Kajian ini  telah dijalankan bermula pada  5 Mac 2021 sehingga 29 Mac 2021 secara atas talian. dan hasil kajian ini akan dilaporkan dalam Mesyuara Kajian Semula Pengurusan Bil.1/2020.

Jumlah peratusan yang menjawab Kajian tahap kepuasan staf adalah sebanyak **65%** dan Indeks kesejahteraan mahasiswa sebanyak **36%** bagi tahun 2020.



# MESYUARAT ANALISIS DATA TAHAP KEPUASAN STAF & INDEKS KESEJAHTERAAN MAHASISWA TAHUN 2020




Data berkenaan tahap kepuasan staf & indeks kesejahteraan mahasiswa yang disemak dan dikemaskini dari sistem telah diserahkan kepada jawatankuasa analisis data untuk dianalisis mengikut keperluan laporan data tahap kepuasan.

Oleh itu, mesyuarat ini yang diadakan pada 1 April 2021 adalah bertujuan untuk membahagikan analisis data tersebut kepada dua iaitu data kuantitif & data kualitatif.

# MESYUARAT PEMANTAUAN STATUS PEMURNIAN PROSEDUR SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2015




Pada 6 April 2021, satu mesyuarat diadakan bersama pemilik proses untuk membincangkan berkenaan perubahan yang perlu dibuat berdasarkan penstrukturan baharu UniMAP.

Mesyuarat ini juga bertujuan untuk menetapkan tarikh baharu kepada pemilik proses untuk menyelesaikan proses pemurnian prosedur sistem pengurusan kualiti (SPK) sebelum dimuat naik ke dalam sistem eQDoc dan dihebahkan kepada semua staf sebagai rujukan utama.

# MESYUARAT PEMANTAUAN STATUS PEMURNIAN PROSEDUR SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2015 BAGI PROGRAM PASCASISWAZAH.




Mesyuarat Pemantauan Status Permurnian Prosedur Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 Bagi Program Pascasiswazah ini telah diadakan pada 12 April 2021.

Prosedur kualiti tersebut adalah sebagai rujukan untuk pelaksanaan SPK dan penambahan skop pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi audit Badan Pensijilan Luar pada Jun 2022.

# KURSUS KESEDARAN MS ISO 9001:2015 BERSAMA FAKULTI SAINS GUNAAN DAN KEMANUSIAAN (FSGM)



Kursus ini telah diadakan secara atas talian pada 14 April 2021 kepada Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan (FSGM) yang diberikan oleh En. Muhamad Hidham Haris, Pegawai Tadbir, Bahagian Kualiti & Akreditasi (SQM).

Taklimat ini berkenaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti di UniMAP dan taklimat asas berkenaan keperluan MS ISO 9001:2015.




Dalam kursus ini juga diterangkan cara penggunaan sistem eQDoc kepada semua staf terutamanya dokumen prosedur kualiti dan pengurusan risiko.

## MESYUARAT PEMBENTANGAN HASIL DAPATAN TAHAP KEPUASAN STAF DAN INDEKS KESEJAHTERAAN MAHASISWA BAGI TAHUN 2020

Mesyuarat ini telah diadakan pada 15 April 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

Tujuan mesyuarat adalah untuk membentangkan hasil dapatan analisis data tahap kepuasan pelanggan dari Jawatankuasa Analisis Data yang dilantik.

Data analisis tersebut akan dilaporkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan Bil.1/2020.



## PERBINCANGAN PEMBANGUNAN KAJI SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN BERSAMA PUSAT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN DIGITAL (DMDC).



Perbincangan ini diadakan pada 16 April 2021 bersama Pusat Pengurusan Dan Pembangunan Digital (DMDC) untuk membincangkan berkenaan instrument kaji selidik yang berkaitan dengan pelanggan DMDC serta laporan hasil dapatan kaji selidik SQM telah dijadikan sebagai bahan rujukan DMDC untuk membuat penambahbaikan .

Pembincangan ini telah diadakan di Bilik Diskusi, Aras 3, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

## PERBINCANGAN PROSEDUR SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) BERSAMA PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AMC)

Perbincangan ini diadakan pada 22 April 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

Tujuan perbincangan ini diadakan adalah untuk membuat semakan terhadap prosedur kualiti yang dibuat oleh pemilik proses serta perkongsian kaedah proses perubahan prosedur kualiti melalui sistem eQDoc kepada pemilik proses yang baharu.



# PERBINCANGAN PENSIJILAN MS 1900:2014 PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS 1900 SHARIAH-BASED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

Perbincangan ini diadakan pada 26 April 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

Tujuan perbincangan ini adalah untuk membentangkan kertas cadangan dari konsultan luar berkenaan Pensijilan MS ISO 1900:2014 Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).

Semakan terhadap prosedur sedia ada di Jabatan Bendahari turut dilakukan semasa perbincangan tersebut



# TAKLIMAT KESEDARAN MS ISO 9001:2015 BERSAMA PUSAT KEUSAHAWANAN, JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT (CEICnet)




Taklimat ini diadakan pada 5 Mei 2021 secara dalam talian.

Tujuan taklimat ini diadakan bertujuan untuk menerangkan berkenaan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK di UniMAP serta keperluan-keperluan yang terdapat di dalam MS ISO 9001:2015.

Semua staf CEICNet juga diberi penerangan berkenaan cara-cara penggunaan Sistem eQDoc terutamanya berkenaan dokumen prosedur kualiti dan pengurusan risiko.



# MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN BIL.1/2020






Mesyuarat ini diadakan pada 11 Jun 2021 secara dalam talian.Tujuan mesyuarat ini adalah untuk membentangkan status pelaksaan Sistem Pengurusan Kualiti kepada Pengurusan Tertinggi, Dekan & Ketua-ketua jabatan UniMAP.

Cadangan penambahbaikan SPK UniMAP dapat diusulkan bagi membantu Pusat Tanggungjawab untuk mencapai Objektif Kualiti UniMAP serta tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk mencapainya. Mesyuarat ini juga adalah sebagai persediaan untuk menghadapi Audit pensijilan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

# TAKLIMAT AWAL AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015

Taklimat ini diberikan kepada Timbalan Dekan JIPK, Pengerusi SPSK dan pemilik proses secara dalam talian pada 24 Jun 2021 yang melibatkan Fakulti & Pusat Tanggungjawab yang terlibat dengan Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS.

Tujuan taklimat ini adalah sebagai persediaan menghadapi audit pemantauan SIRIM.




Pusat tanggungjawab yang akan terlibat dengan Audit Pemantauan ini adalah :

- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)
- Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- Pusat Sains Liberal – Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan (PSL-FSGM)
- Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM)
- Pusat Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan (COSHE)
- Jabatan Keselamatan (JKES)
- Bahagian Pengurusan Akademik – Pengurusan Latihan Industri (AMC)

# PERBINCANGAN SKOP DAN PENYEDIAAN DOKUMEN ISO JABATAN PERPUSTAKAAN




Perbincangan ini diadakan pada 30 Jun 2021 secara dalam talian untuk memberi permahaman berkenaan perlaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti.

Perbincangan ini juga adalah untuk membangunkan prosedur kualiti setiap unit di Jabatan Perpustakaan.

# TAKLIMAT PELAKSANAAN 5S DI PUSAT ISLAM DAN PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN)

Taklimat ini diadakan secara dalam talian pada 2 Julai 2021 yang melibatkan semua staf di Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Taklimat ini bertujuan untuk memberi kesedaran pelaksaan 5S di kalangan staf PIMPIN & perancangan setiap unit untuk melaksanakan 5S dan semakan atau audit kendiri 5S pada setiap bulan di PIMPIN.




# PERBINCANGAN TINDAKAN TERHADAP DAPATAN TAHAP KEPUASAN STAF PUSAT PENGURUSAN STRATEGI DAN KUALITI (SQM)




Pada 16 Julai 2021, satu perbincangan bersema semua staf Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) telah diadakan secara dalam talian.

Tujuan perbincangan ini diadakan adalah untuk membentangkan dapatan setiap domain Tahap Kepuasan Staf SQM tahun 2020.

Perbincangan ini juga bertujuan untuk mengambil Tindakan pembetulan & penambahbaikan terhadap domain yang rendah di SQM.

# KURSUS KESEDARAN MS ISO 9001:2015 SECARA DALAM TALIAN




Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2015 ini diadakan pada 28 Julai 2021 secara dalam talian yang melibatkan Timbalan Dekan JIPK, Pengerusi SPSK, Pemilik Proses & Staf setiap fakulti. Bilangan peserta kursus ini adalah seramai 40 orang yang merupakan lantikan baharu Ahli Jawatankuasa Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) setiap fakulti.

Tujuan kursus ini adalah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berdasarkan keperluan di dalam piawaian MS ISO 9001:2015 dan juga sebagai persediaan menghadapi Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS INTL. SDN. BHD.

# PERBINCANGAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) DI PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

Perbincangan ini diadakan pada 5 Ogos 2021 secara dalam talian untuk membincangkan proses-proses utama yang berkaitan di Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) untuk didokumenkan dalam prosedur kualiti.

Perbincangan ini juga berkaitan pelaksanaan SPK di RMC untuk penambahan Skop Pensijilan MS ISO 9001:2015 di UniMAP.



## MESYUARAT PERSEDIAAN AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 DI PUSAT PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN (COSHE).

Mesyuarat ini diadakan pada 5 Ogos 2021 secara dalam talian sebagai persediaan menghadapi audit pemantauan SIRIM di COSHE.

Semakan dokumen & rekod yang berkaitan pensijilan dan perbincangan Tindakan pembetulan terhadap laporan MKSP, dapat tahap kepuasan staf & penemuan audit SPK juga telah dilakukan dalam mesyuarat tersebut.




## PERBINCANGAN PELAKSANAAN MS 1900:2014 – SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) BERASASKAN PATUH SYARIAH BERSAMA WAKIL SIRIM STS SDN BHD.




Perbincangan yang diadakan secara dalam talian bersama wakil SIRIM STS SDN. BHD ini diadakan pada 23 Ogos 2021 yang melibatkan Jabatan Bendahari.

Taklimat awal oleh wakil SIRIM STS berkenaan perjalanan perlaksanan MS ISO 1900:2014 telah diberikan untuk dilaksanakan oleh Jabatan Bendahari.

# AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015 OLEH SIRIM QAS INTL. SDN. BHD.







Audit Pemantauan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS INTL. SDN. BHD telah dijalankan pada 11 hingga 13 Ogos 2021 dan dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian. Juruaudit SIRIM yang terlibat adalah Tuan Haji Shahanif Bin Hasan selaku Ketua Juruaudit & Hajah Mariam Mohamad selaku Juruaudit.




7 Pusat Tanggungjawab yang terlibat adalah:

- ◊ Pusat Pengurusan Strategi dan Kualiti (SQM)
- ◊ Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan (COSHE)
- ◊ Jabatan Keselamatan (JKES)
- ◊ Pusat Pengurusan Akademik (AMC)
- ◊ Pusat Sains Liberal (PSL)
- ◊ Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)
- ◊ Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)



## MESYUARAT STATUS PEMBANGUNAN PROSEDUR KUALITI BAGI PROGRAM PASCASISWAZAH




Mesyuarat ini diadakan pada 8 September 2021 secara dalam talian untuk membincangkan penetapan proses utama yang terlibat iaitu hanya program pascasiswazah bagi mod penyelidikan.

Mesyuarat ini juga membentangkan status pembangunan prosedur kualiti untuk program pascasiswazah dari Pusat Pengajian Siswazah.

## KURSUS AUDIT DALAMAN ISO 9001:2015 (ADVANCED) SECARA DALAM TALIAN







Kursus ini diadakan pada 9 & 10 September 2021 secara dalam talian. Kursus ini bertujuan untuk memberi Latihan kepada juruaudit dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang aktif untuk persediaan audit dalaman SPK di UniMAP.

Kursus ini juga memfokuskan kepada penggunaan klausa ISO 9001:2015 dan teknik penulisan laporan ketidakpatuhan (NCR) dan laporan penambahbaikan (OFI) supaya lebih tepat dalam setiap laporan yang dikeluarkan.

# DISKUSI BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM eQDoc




Diskusi ini diadakan pada 10 September 2021 di Pusat Pengurusan & Pembangunan Digital (DMDC).

Tujuan diskusi ini adalah untuk membincangkan modul baharu dalam sistem eQDoc iaitu proses penulisan & pengesahan laporan audit dalaman secara dalam talian.

Modul sedia ada dalam sistem eQDoc juga dikemaskini berdasarkan dapatan dari pengguna dan laporan audit dalaman SPK.

# MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT DALAMAN MS ISO 9001:2015 PUSAT ISLAM DAN PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN)




Mesyuarat pembukaan audit dalaman ini diadakan secara dalam talian pada 20 Semptember 2021 yang melibatkan Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Tujuan mesyurat ini adalah untuk menetapkan jadual audit setiap uni di PIMPIN dan juga perkongsian kaedah audit dalaman yang berkesan dan juga pelaporan penemuan audit dalama kepada PIMPIN.

# MESYUARAT PEMBUKAAN AUDIT DALAMAN BIL.1/2021 SPK MS ISO 9001:2015 UniMAP




Mesyuarat pembukaan audit dalaman SPK MS ISO 9001:2015 ini diadakan secara dalam talian pada 27 September 2021 yang melibatkan fakulti & pusat tanggungjawab yang terlibat dengan skop pensijilan.




Tujuan mesyurat ini adalah untuk membentangkan jadual perancangan audit dalaman mengikut pusat tanggungjawab yang terlibat dengan skop pensijilan MS ISO 9001:2015. Jadual pada tahun 2021 telah ditambah baik dengan pembahagian secara berfasa iaitu di fakulti & PTj.

Dalam mesyuarat ini juga telah dibentangkan dapatan penemuan audit pemantauan dari SIRIM QAS dan audit dalaman Bil.1.2020.

Taklimat ringkas juga diberikan berkenaan keperluan audit dalaman & pendekatan proses berkaitan pembelajaran dan pengajaran serta proses sokongan.



# BENGKEL PEMURNIAN PROSEDUR KUALITI BAGI PROGRAM PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH

Bengkel ini telah diadakan sebanyak tiga (3) sesi iaitu pada 20, 22 & 29 September 2021 secara atas talian.

Peserta bengkel terdiri daripada Dekan Fakulti, Timbalan Dekan Akademik, Timbalan Dekan Penyelidikan & Pascasiswazah, Timbalan Dekan Jaringan Industri & Pengurusan Kualiti dan Pengerusi Rancangan program pascasiswazah.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memurnikan prosedur kualiti yang telah dibangunkan oleh Pusat Pengajian Siswazah (CGS) dan juga sebagai persediaan untuk audit pensijilan semula dan penambahbahan skop pensijilan MS ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS INTL. SDN. BHD.







# PERBINCANGAN PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR (P3P) KE ARAH PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)







Perbincangan ini diadakan pada 22 Oktober 2021 secara atas talian bersama Pusat Perkhidmatan Pelajar (P3P).

Taklimat ringkas diberikan kepada staf P3P sebagai permulaan untuk melaksanakan SPK di sesuatu organisasi. P3P juga berhasrat untuk menentukan skop & proses utama terlebih dahulu untuk persediaan pelaksanaan SPK secara dalam talian.

# PERBINCANGAN PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI PERINGKAT JABATAN BAGI PENSIJILAN DALAMAN MS ISO 9001:2015 BERSAMA JABATAN BENDAHARI DAN JABATAN PENDAFTAR






Perbincangan ini diadakan pada 19 November 2021 bersama Jabatan Bendahari & Jabatan Pendaftar di Bilik Diskusi, Aras 3, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

Taklimat ringkas ini berkaitan pelaksanaan pensijilan dalaman MS ISO 9001:2015 di Jabatan Bendahari & Jabatan Pendaftar. Pelaksanaan ini akan membantu penambahbaikan proses perkhidmatan yang dilaksanakan di jabatan tersebut. Ia juga membantu dalam memenuhi salah satu kriteria yang ditetapkan dalam penilaian penarafan SETARA.

# AUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) BIL. 1/2021 MS ISO 9001:2105



Audit dalamam MS ISO 9001:2015 dijalan secara dua (2) fasa iaitu di fakulti bertarikh 4 hingga 15 Oktober 2021 (fasa 1) & di Pusat tanggungjawab bertarikh 1 hingga 15 November 2021 (Fasa 2).

20 Pusat Tanggungjawab yang diaudit ini melibatkan 43 orang juruaudit dalaman SPK yang dibahagi kepada 20 kumpulan audit.



Tujuan audit dilaksanakan adalah untuk Menentukan keberkesanan pelaksanaan dan penyelenggaraan SPK dalam memenuhi Polisi dan Objektif Kualiti UniMAP dan sebagai persiapan UniMAP dalam pelaksanaan SPK sebelum menghadapi Audit Pensijilan Semula dan penambahan skop oleh SIRIM QAS.

# BENGKEL PEMURNIAN PROSEDUR KUALITI BAGI PROGRAM PENYELIDIKAN PASCASISWAZAH

# LAPORAN
# TAHUNAN 2021

# LAPORAN AKTIVITI 2021 | Bahagian Akreditasi

# PENYERAHAN SIJIL ASAL AKREDITASI PROGRAM UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS DARI AMC KEPADA SQM.




Penyerahan sijil-sijil akreditasi ini adalah sebagai simbolik penyerahan tugas daripada Pusat Pengurusan Akademik (AMC) kepada Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) pada 8 Januari 2021.

Penyerahan ini disampaikan oleh Prof. Madya Ir. Dr. Ruslizam Daud selaku Pengarah Pusat Pengurusan Akademik kepada Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Azwan Iskandar Azmi selaku Ketua Bahagian Kualiti & Akreditasi.

# PERBINCANGAN BERKAITAN URUSAN PEMBAYARAN AKREDITASI PROGRAM-PROGRAM PENGAJIAN DAN PENSIJILAN DI UniMAP




Perbincangan ini diadakan pada 22 Januari 2021 secara dalam talian bersama Jabatan Bendahari UniMAP. Tujuan perbincangan ini adalah untuk menetapkan garis panduan berkaitan proses perolehan bagi perkhidmatan pensijilan di UniMAP berdasarkan garis panduan Kementerian Kewangan (MOF).

# PERBINCANGAN PERSEDIAAN BERKAITAN VIRTUAL AUDIT VISIT (VAV) OLEH LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA.

Perbincangan ini diadakan pada 24 Februari 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti.

Perbincangan ini adalah sebagai makluan dan persediaan awal kepada semua PTj untuk melalui proses akreditasi secara dalam talian (*Virtual Audit Visit (*VAV) oleh Lembaga Jurutera Malaysia.



# MESYUARAT PENYELARASAN BERSAMA FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KIMIA SEMPENA LAWATAN AKREDITASI OLEH MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC)





Mesyuarat ini diadakan pada 26 Mac 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM). Antara program yang akan diaudit adalah:

- Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi Industri) Dengan Kepujian

Mesyuarat ini juga untuk menyelaras segala dokumen serta maklumat yang perlu disediakan bagi sesi VAV yang akan berlangsung pada 7 & 8 April 2021 dan 24 & 25 Mei 2021 termasuk penyediaan video bagi fasaliti dan kemudahan lain bagi menyokong Pengajaran & Pembelajaran (P&P) yang terlibat.

## LAWATAN AKREDITASI SECARA DALAM TALIAN ATAU VIRTUAL ACCREDITATION VISIT (VAV) OLEH MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC) BAGI PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KIMIA (BIOTEKNOLOGI INDUSTRI).





Lawatan penilaian Akreditasi ETAC ini akan berlangsung pada 7-8 April 2021 di Bilik Diskusi FTK, Kampus UniCITI Alam, Sg. Chuchuh, Padang Besar. Program yang melalui proses akreditasi ini adalah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi Industri) Dengan Kepujian bagi Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia (FTKK).



## MESYUARAT PENYELARASAN LAWATAN MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC)

Mesyuarat ini diadakan pada 19 April 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Aras 3, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

Penyelarasan melibatkan penyediaan dokumentasi, maklumat tambahan serta keperluan teknikal yang harus disediakan bagi sepanjang tempoh lawatan secara dalam talian (VAV) oleh EAC bagi dua (2) program pada 24-25 Mei 2021



## MESYUARAT PENYELARASAN  MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DIANTARA BEM DAN UniMAP



Mesyuarat ini diadakan pada 27 April 2021 di Bilik Diskusi, Aras 3, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).  Mesyuarat ini adalah untuk membincangkan hal-hal berkaitan perjalanan majlis Menandatangani memorandum persefahaman di antara BEM dan UniMAP yang dijadualkan diadakan pada 25 Oktober 2021.

## MESYUARAT PENYELARASAN AKHIR SEMPENA LAWATAN MAJLIS AKREDITASI  KEJURUTERAAN (EAC) BERSAMA DEKAN DAN WAKIL FAKULTI.

Mesyuarat ini diadakan pada 6 Mei 2021 di Bilik Diskusi, Aras 3, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM) bersama dekan & wakil fakulti yang terlibat.

Tujuan mesyuarat ini adalah untuk menyelaras persediaan di peringkat fakulti dan SQM sebelum menerima lawatan akreditasi EAC yang dijadualkan pada 25 Oktober 2021.



## TRIAL RUN: LAWATAN AKREDITASI OLEH MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC) BAGI PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KOMPUTER DENGAN KEPUJIAN DAN SARJANA MUDA KEJURUTERAAN BIOSISTEM DENGAN KEPUJIAN




Sesi *Trial Run* yang diadakan pada 21 Mei 2021 ini merupakan keperluan yang ditetapkan oleh EAC sebelum proses akreditasi sebenar berlangsung. Antara lain sesi *trial run* ini adalah untuk membincangkan serta menyelaraskan persediaan akhir berkaitan keperluan dokumen dan teknikal yang terlibat dalam proses VAV yang dijaduakakn berlangsung dari 24 - 25 Mei 2021. Antara yang turut hadir di dalam sesi ini adalah Head of Delegation (HOD), semua panel, sekretariat EAC , SQM , SQM serta Fakulti yang terlibat.

## LAWATAN AKREDITASI SECARA VIRTUAL OLEH MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC).




Lawatan akreditasi ini dijalankan pada 24 & 25 Mei 2021 secara virtual yang melibatkan program:

- Sarjana Muda Kejuruteraan Biosistem Dengan Kepujian
- Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer Dengan Kepujian

Penilaian ini melibatkan kehadiran secara virtual oleh Head of Delegation (HOD), semua panel yang dilantik, sekretariat EAC, SQM serta Fakulti yang terlibat.

## WEBINAR PROSES AKREDITASI PROGRAM DI BAWAH MBOT BERSAMA PENGARAH MBOT-ANJURAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Program yang dianjurkan oleh Universiti Utara Malaysia ini diadakan pada 11 Jun 2021 secara dalam talian.

Tujuan program ini adalah untuk memberi Pemahaman berkenaan pelaksanaan dan garis panduan berkaitan proses akreditasi program di bawah selian MBOT.




## PERBINCANGAN BERSAMA FAKULTI SAINS GUNAAN & KEMANUSIAAN BERKAITAN PERANCANGAN AKREDITASI PROGRAM BAGI TAHUN 2021-2022




Perbincangan ini diadakan pada 18 Jun 2021 secara dalam talian bersama wakil Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan (FSGM). Tujuan perbincangan ini adalah untuk menerangkan keperluan dan persediaan di peringkat fakulti sebelum melalui proses audit pematuhan dan audit akreditasi penuh bagi program sarjana muda dan sarjana yang ditawarkan oleh fakulti.

## TAKLIMAT PERSEDIAAN LAWATAN PENILAIAN AKREDITASI PROGRAM AKADEMIK MOD INDUSTRI MELALUI TECHNOLOGY AND TECHNICAL ACCREDITATION COUNCIL (TTAC) (MBOT)

Taklimat ini diadakan pada 11 Oktober 2021 secara dalam talian oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim Mohamed iaitu Pengarah, Sekretariat Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAS)(MBOT).

Tujuan taklimat ini adalah untuk memberikan penerangan dan maklumat mengenai keperluan akreditasi program mod industri atau program Sarjana Muda Teknologi mengikut manual TTAC 2019 dan juga sebagai persediaan lawatan penilaian akreditasi program akademik mod industri melalui TTAC (MBOT).



## PERBINCANGAN PERSIAPAN JELAJAH MQA BERSAMA FAKULTI DAN JABATAN YANG BERKAITAN

Perbincangan ini diadakan pada 20 Oktober 2021 secara dalam talian.

Tujuan perbincangan ini adalah untuk menyelaras persediaan diperingkat UniMAP sempena lawatan oleh pihak MQA melalui siri jelajah MQA bersama UniMAP yang dijadualkan pada




## PERBINCANGAN BERKAITAN PERANCANGAN BERKAITAN AKREDITASI SQM SERTA ISU-ISU AKREDITASI FSGM



Perbincangan ini diadakan pada 9 November 2021 bertempat di Bilik Diskusi, Aras 3, pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

Tujuan perbincangan ini adalah untuk membincangkan hal-hal berkaitan akreditasi di fakulti FSGM yang masih tertunggak dan perlu diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh SQM.

## MESYUARAT MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN EAC (ADM) NO. 6/2020-2021 SEBAGAI PEMERHATISECARA VIDEO CONFERENCING



Mesyuarat ini diadakan pada 24 November 2021 di Bilik Diskusi, Aras 3, Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM).

Mesyuarat ini bertujuan membentangkan pelaporan melibatkan DUA (2) program (New Cycle) yang telah melalui lawatan akreditasi secara atas talian pada bulan Mei 2021.

Program yang terlibat adalah:

- SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KOMPUTER DENGAN KEPUJIAN
- SARJANA MUDA KEJURUTERAAN BIOSISTEM DENGAN KEPUJIAN

# PERJUMPAAN BERSAMA PANEL-PANEL BAGI PROSES PENILAIAN LUAR FAKUTI BAGI 10 PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Perjumpaan ini diadakan pada 30 November 2021 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Bendahari.

SQM telah mengatur pertemuan bersama kira-kira 30 panel dalaman UniMAP yang akan membantu menjalankan proses Penilaian Dalaman ETAC bagi bagi 10 program teknologi Kejuruteraan.

Antara lain pertemuan ini adalah untuk berkongsi maklumat serta penerangan berkaitan hasrat SQM untuk membantu fakulti memperkemaskkan dokumentasi yang terlibat sebelum dokumen sebenar diserahkan kepada ETAC.



# MESYUARAT PERSEDIAAN AWAL SEMPENA LAWATAN ETAC TAHUN 2022





Mesyuarat ini diadakan pada 10 Disember 2021 di UniCITI Alam UniMAP melibatkan semua fakulti & pusat tanggungjawab yang akan terlibat dengan proses akreditasi ETAC.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah sebagai pemakluman kepada semua PTj yang terlibat terutamanya berkaitan keperluan yang perlu dibuat sebagai persediaan menghadap lawata ETAC yang dijadualkan pada Mei 2022.



# LAPORAN TAHUNAN 2021

# PORAN LATIHAN DAN CUTI KAKITANGAN 2021

# LAPORAN LATIHAN DAN CUTI KAKITANGAN
## LAPORAN TAHUNAN 2021




| BIL | NAMA | JUMLAH HARI |
|---|---|---|
| 1. | Prof. Dr. Harshita Aini Haroon | 15 |
| 2. | Prof. Madya Ts. Dr. Azwan Iskandar Azmi | 20 |
| 3. | Ts. Dr. Tan Chye Lih | 16 |
| 4. | Pn. Noora Md Yusoff | 7 |
| 5. | Pn. Rozila Romali | 11 |
| 6. | Pn. Nurul Asyikin Fadzil | 16 |
| 7. | En. Muhammad Hidham Haris | 20 |
| 8. | Pn. Azfa Ahmad | 8 |
| 9. | Pn. Azimah Aziz@Azaib | 12 |
| 10. | En. Mohd Fazlie Yusoff | 8 |
| 11. | Pn. Suhana Shaari | 10 |
| 12. | En. Hasmizul Hashim | 3 |

# LAPORAN CUTI SQM TAHUN 2021

| NAMA | JENIS CUTI | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | CUTI TAHUNAN | CUTI SAKIT | CUTI TANPA REKOD | CUTI BERSALIN | CUTI SEPARUH GAJI |
| PROF. DR. HARSHITA AINI HAROON | 10 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| PROF. MADYA IR. TS. DR. AZWAN ISKANDAR AZMI | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| TS. DR. TAN CHYE LIH | 5 | 0 | 3 | 82 | 0 |
| PN. NOORA MD YUSOFF | 24 | 2 | 0 | 0 | 60 |
| PN. NURUL ASYIKIN FADZIL | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| PN. ROZILA ROMALI | 18 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| MUHAMMAD HIDHAM HARIS (STAF KONTRAK) | 25 | 50 | 0 | 0 | 0 |
| PN. AZFA AHMAD | 11 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| PN. AZIMAH AZIZ | 9 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| EN. MOHD. FAZLIE YUSOFF (STAF KONTRAK) | 20 | 1 | 10 | 0 | 0 |
| PN SUHANA SHAARI (STAF KONTRAK) | 20 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| EN. HASMIZUL HASHIM | 18 | 8 | 28 | 0 | 0 |

# LAPORAN
# TAHUNAN 2021

# LAPORAN KEWANGAN 2021

# LAPORAN KEWANGAN SQM
## LAPORAN TAHUNAN 2021

## LAPORAN PERBELANJAAN SQM 2021

**JUMLAH PERUNTUKKAN**
**RM 18,600**




## PERINCIAN PERBELANJAAN MENGIKUT VOT



**VOT 21**
**RM1,248.62**



**VOT 27**
**RM5,293.69**



**VOT 35**
**RM5,290.00**



**VOT 24**
**RM3,600.00**



**VOT 28**
**RM1,005.78**



**VOT 25**
**RM326.40**



**VOT 29**
**RM368.40**

# LAPORAN KEWANGAN SQM
## LAPORAN TAHUNAN 2021

| BIL | VOT | PERKARA | PERUNTUKAN | VIREMEN | PERBELANJAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | VOT 21 | PERJALANAN SARA HIDUP (STAF TETAP) | RM 5,000.00 | RM 3,751.38 | RM 1,248.62 |
| 2 | VOT 24 | SEWAAN | RM 3,600.00 | - | RM 3,600.00 |
| 3 | VOT 25 | BAHAN-BAHAN MAKANAN & MINUMAN | RM 1,400.00 | RM 1,073.60 | RM 326.40 |
| 4 | VOT 27 | BEKALAN & BAHAN-BAHAN LAIN | RM 2,000.00 | RM 3,293.69 | RM 5,293.69 |
| 5 | VOT 28 | PENYELENGGARAAN & PEMBAIKAN KECIL | RM 1,800.00 | RM 794.22 | RM 1,005.78 |
| 6 | VOT 29 | PERKHIDMTAN IKHTISAS & HOSPITALITI | RM 1,500.00 | RM 1,131.60 | RM 368.40 |
| 7 | VOT 35 | HARTA MODAL | RM 3,300.00 | RM 1,990.00 | RM 5,290.00 |
| | | **JUMLAH** | **RM 18,600.00** | | **RM 17,132.89** |

## LAPORAN KEWANGAN TABUNG AKREDITASI TAHUN 2021




| BIL | VOT | PERKARA | PERUNTUKAN | VIREMEN | PERBELANJAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | VOT 3014 | PERKHIDMATAN IKHTISAS & HOSPITALITI | RM 240,000.00 | RM 130,115.10 | RM 109,884.90 |
| | | **JUMLAH** | **RM 240,000.00** | **RM 130,115.10** | **RM 109,884.90** |